

Wanita Umno Anjur Hari Ibu Di Stadium Nasional Bukit Jalil Sabtu Ini
Bernama
09 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan menganjurkan Hari Ibu bertema 'Saya Sayang Ibu' di Stadium Nasional Bukit Jalil Sabtu ini, sempena ulang tahun ke-66 parti itu.

Penolong Setiausaha Datuk Rosni Sojar berkata sambutan itu diadakan bagi menghargai jasa, pengorbanan dan kecekalan ibu-ibu mengharungi kehidupan dalam membina, mendidik dan melahirkan generasi pewaris yang dapat membawa Malaysia menuju negara maju.

"Sambutan ini akan dihadiri ahli-ahli Umno serta wanita dari pelbagai bangsa, agama dan budaya.

"Mereka terdiri daripada wanita dan ibu di sektor awam, swasta, pasukan keselamatan dan badan-badan bukan kerajaan," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata sambutan itu akan berlangsung di Tapak Ekspo Stadium Nasional dari pukul 2 petang hingga 5.30 petang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664914>